

27 MAY 1996

Vanuatu - Lawatan

MENTERI KEWANGAN VANUATU DI LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Mei (Bernama) -- Menteri Kewangan Vanuatu Barak T. Sope, yang dalam lawatan lima hari ke Malaysia, hari ini menghadiri taklimat pembangunan mengenai Langkawi di kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Taklimat 45 minit itu diberikan Pegawai Pembangunan Lada Ramli

Sope, yang mengetuai rombongan 70 orang itu, tiba di pulau pelancongan bebas cukai ini semalam.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Mara Holdings Sdn Bhd dan PT Harapan Insani/Dragon Bank Int Ltd esok yang bertujuan memupuk kerjasama dua hala dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

MoU itu juga dijangka memberi laluan kepada syarikat-syarikat asing menerokai pembangunan hartanah di Langkawi.

Anggota lain rombongan itu ialah presiden dan pengarah PT Harapan Insani Dr Ibnu Widoyo, yang juga pengarah Dragon Bank serta residen bank itu, Zhi Ying Wang.

Dragon Bank ialah sebuah bank pesisir pantai yang bergabung dalam Republik Vanuatu.

Rombongan itu berlepas ke Kuala Lumpur selepas majlis menandatangani itu untuk menghadiri jamuan dengan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Pada Rabu mereka dijadual mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin dan pemimpin Pemuda Umno Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Mereka juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis.

-- BERNAMA

ZAA CR AHH